

# Saingan

# inovasi kreatif

» Tiga kumpulan kemuka projek makanan, penyelidikan air



Projek penyelidikan kumpulan Enviro dari UMP.

Oleh Faizatul Farhana Farush Khan  
ffarhana@bharian.com.my

► Kuala Lumpur

Dua finalis Kategori Berkumpulan (Inovasi), Anugerah Ikon Varsity BH 2013, dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) mempertaruhkan produk berasaskan makanan dalam persaingan yang turut menyenaraikan satu lagi pencabar dari Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Kumpulan De Noona's dari USIM menghasilkan 'Horley Laksa Noodle', iaitu mi laksa yang mengambil masa rebusan antara 15 hingga 20 minut untuk dimasak.

Produk berkonsepkan makanan segera dan sihat itu mengandungi penambahan barli untuk memberi kebaikan mineral, serat larut serta tidak larut yang lebih tinggi berbanding mi laksa sedia ada di pasaran.

Makanan berkenaan disifatkan pilihan bijak kepada pengguna kerana turut mengandungi beta glucan yang tinggi dan rendah indeks glisemik, bertujuan membantu menyeimbangkan kadar glukosa dalam darah.

Kumpulan De Noona's dianggo-

tai oleh Mulaikah Azizan, Khadijah Ab Majid, Norain Farah Moktar, Amirah Najwa Jarani, Noor Najwa Hassan dan Aini U'naizah Zalizam.

### Perisa berasaskan rebung

Sebuah lagi kumpulan dari USIM, The Bambusia, tampil dengan produk dinamakan Serbuk Bambusia, iaitu bahan perisa berasaskan rebung yang pelbagai guna serta mengandungi nutrisi fiber dan mineral tinggi seperti potassium, zink, magnesium dan fosforus.

Serbuk itu yang boleh ditambah ke dalam semua jenis makanan, termasuk pastri, roti dan mi, juga tinggi khasiat organik serta tidak mengandungi bahan pengawet,

malah hanya membabitkan kos pembuatan yang rendah.

Inovasi itu dihasilkan Mohamed Sabri Esa, Mohd Akmal Zakaria, Mohamad Syafiq Saifudin, Mohamad Wafi Shamsudin dan Muhammad Saifullah Mohd Yusof.

Kedua-dua anggota kumpulan De Noona's dan The Bambusia adalah dari bidang pengajian Biologi Makanan.

### Rawat air kumbahan

Sementara itu, kumpulan Enviro dari UMP yang dianggotai Noor Adilah Md Salehan, Muhammad Noor Azreen Mohd Khairu dan Mohd Najib Razali, pula mengemukakan projek penyelidikan

bertajuk 'Kitar Semula Air Kumbahan Monoethanolamine (MEA) menggunakan Sistem Rawatan Bio-adsorbents daripada bahan buangan kepada air lebih berkualiti'.

Projek itu bertujuan mengenal pasti kesan teknik secara berturutan, kaedah terbaik merawat air kumbahan MEA dan menilai potensi kitar semula ke atas air kumbahan dirawat.

Peruntukan tinggi yang diperlukan bagi menampung kos penyelesaian MEA dan pelupusan air kumbahan terbabit mendorong kumpulan Enviro mencari pendekatan terbaik untuk menanganinya secara jimat, sekali gus memulihara alam sekitar.

ANUGERAH  
**ikon**  
VARSITI BH



Kumpulan De Noona's dengan produk 'Horley Laksa Noodle'.



Kumpulan The Bambusia dari USIM.